

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Tuesday, February 14, 2017 2:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Juha b. Ali; Hanizaton Bt Hassan
Subject: GIATMARA ZON UTARA BENTUK KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SBM



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

14 Februari 2017 | 17 Jamadilawal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

GIATMARA ZON UTARA BENTUK KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SBM



SBM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah menerima kunjungan daripada GiatMARA Zon Utara bagi mengadakan perbincangan berkenaan *Training of Trainers* (ToT). GiatMARA yang diketuai oleh Encik Ferdous Othman telah disambut oleh Dekan, Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah disertai Prof. Madya Dr. Kamal Ab. Hamid, Dr. Abdul Manaf Bohari dan Encik Juha Ali.

GiatMARA adalah sebuah institusi pendidikan yang mengendalikan kursus teknikal dan *hands-on*. Terdapat 15 buah GiatMARA di Kedah, 6 buah di Pulau Pinang dan 3 buah di Perlis.

Training of Trainers (ToT) yang telah dijalankan dan akan dijalankan ini adalah untuk melengkapkan ilmu keusahawanan kepada Fasilitator, Tenaga Pengajar dan Pegawai Pembimbing Usahawan GiatMARA dan sebagai kursus *refreshment*.

Wakil GiatMARA berharap melalui *Training of Trainers (ToT)* dengan SBM ini akan dapat melengkapkan dan memantapkan Fasilitator, Tenaga Pengajar dan Pegawai Pembimbing Usahawan GiatMARA dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Modul yang digunapakai oleh GiatMARA adalah terlalu lama dan tidak relevan lagi. Wakil GiatMARA juga melahirkan perasaan bertuah kerana dapat menjalinkan kerjasama dengan SBM.

Wakil GiatMARA juga berharap SBM dapat mewujudkan program yang lebih komprehensif. Untuk itu SBM perlu mengemukakan satu *proposal* supaya perlantikan SBM sebagai *consultant* dapat dibuat oleh Ibu Pejabat GiatMARA Kuala Lumpur.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.